

STRATEGI MENYELESAIKAN MASALAH PEMILIHAN KERJAYA DALAM KALANGAN PELAJAR: SATU TINJAUAN DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI TAMBUNAN

STRATEGIES FOR SOLVING CAREER SELECTION PROBLEMS AMONG STUDENTS: A SURVEY AMONG TAMBUNAN COMMUNITY COLLEGE STUDENTS

Claudia Petin¹

¹ Unit Kolaborasi & Keusahawanan, Kolej Komuniti Tambunan (KKTBS), Malaysia,
(Email: claudia@kktbs.edu.my)

Article history

Received date : 21-12-2024
Revised date : 25-12-2024
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 27-3-2025

To cite this document:

Petin, C., (2025). Strategi menyelesaikan masalah pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar: Satu tinjauan dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Tambunan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 76 - 83.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi bagi menyelesaikan masalah pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Tambunan. Isu pemilihan kerjaya merupakan cabaran besar bagi kebanyakan pelajar, terutamanya mereka yang kurang pendedahan kepada maklumat kerjaya yang relevan. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan rawak yang melibatkan pelajar sebagai responden. Instrumen kajian berupa soal selidik diedarkan bagi mendapatkan data mengenai strategi yang dianggap efektif oleh pelajar dalam menyelesaikan masalah pemilihan kerjaya mereka. Analisis deskriptif digunakan bagi mengenal pasti strategi utama yang dipilih oleh pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa program bimbingan kerjaya (24%) dan penglibatan komuniti serta industri (24%) merupakan strategi yang paling banyak dipilih oleh pelajar. Ini menunjukkan keperluan institusi pendidikan untuk meningkatkan usaha dalam menyediakan program bimbingan yang berstruktur serta menggalakkan kolaborasi dengan komuniti dan industri. Strategi-strategi ini dapat membantu pelajar membuat keputusan yang lebih tepat dan berdasarkan maklumat dalam pemilihan kerjaya mereka. Selain itu, dapatan ini memberikan panduan kepada pihak institusi dalam merangka program yang lebih relevan dan menyokong pelajar dalam membuat keputusan kerjaya yang tepat, seterusnya meningkatkan kebolehpasaran mereka selepas tamat pengajian. Hal ini adalah penting untuk menyokong usaha institusi pendidikan dalam membantu pelajar menghadapi cabaran pemilihan kerjaya yang semakin kompleks.

Kata kunci: Pemilihan Kerjaya, strategi, masalah

Abstract: This study aims to identify strategies for resolving career selection problems among students at Tambunan Community College. Career selection issues pose a significant challenge for many students, especially those with limited exposure to relevant career information. This study employs a random sampling technique, involving students as respondents. A questionnaire was distributed as the research instrument to collect data on strategies that

students consider effective in addressing their career selection problems. Descriptive analysis was used to identify the key strategies chosen by the students. The findings indicate that career guidance programs (24%) and community and industry involvement (24%) are the most frequently selected strategies. This highlights the need for educational institutions to enhance efforts in providing structured guidance programs and encouraging collaboration with communities and industries. These strategies can help students make more informed and accurate career decisions. Additionally, these findings provide guidance for institutions in designing more relevant programs to support students in making well-informed career choices, ultimately improving their employability after graduation. This is crucial to support educational institutions in assisting students in navigating the increasingly complex challenges of career selection.

Keywords: Career Selection, Strategies, Problems

Pengenalan

Cabaran yang dihadapi oleh pelajar adalah dari segi kekurangan sumber pengetahuan tentang cabang industri yang boleh diceburi, ditambah dengan kurangnya pendedahan mengenai bidang yang diambil. Hal ini menyukarkan pelajar dalam pemilihan kerjaya setelah tamat pengajian yang mengakibatkan banyak pelajar berkemahiran tinggi sukar untuk mendapat pekerjaan. Selain itu, para pelajar sukar untuk membuat keputusan muktamad akibat terlalu banyak pilihan tetapi kurang maklumat mengenai peluang pekerjaan, gaji, serta keperluan pendidikan. Di samping itu juga, masalah kewangan adalah faktor yang menjadi halangan para pelajar melanjutkan pendidikan dan menghadiri kursus tambahan yang boleh meningkatkan peluang pekerjaan. Dari segi faktor lain, kesukaran mencari tempat kerjaya yang bersesuaian dengan bidang yang diceburi dan pelajar takut untuk melangkah ke luar bandar, menambah kesulitan dalam memilih kerjaya yang sesuai. Dalam keadaan ini, kurangnya interaksi sosial mengakibatkan pelajar kurang keyakinan diri semasa mencari pekerjaan.

Disamping itu terdapat keterbatasan pengetahuan pelajar mengenai industri dan maklumat yang tepat, bersama dengan tekanan dari keluarga dan masyarakat, memperburuk lagi keadaan, menjadikan proses pemilihan kerjaya semakin rumit dan penuh ketidakpastian. Oleh yang demikian, strategi perlu dirangka dan diambil oleh institusi bagi membantu pelajar dalam pemilihan kerjaya terutamanya bagi pelajar yang mengikuti pengajian di semester akhir. Dapatan kajian ini adalah sangat penting kerana ini mempengaruhi masa depan pelajar. Selain itu, kajian ini juga sangat penting bagi memahami situasi semasa dalam memilih kerjaya dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Tambunan yang sering berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam memastikan pilihan kerjaya yang dipilih adalah sesuai.

Objektif Kajian

Mengenalpasti strategi bagi menyelesaikan masalah pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Tambunan.

Sorotan Kajian

Ringkasan kajian lepas berkaitan dengan faktor pemilihan kerjaya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kajian Berkaitan Faktor Pemilihan Kerjaya

Bil	Faktor Pemilihan Kerjaya	Rujukan
a)	Pemilihan kerjaya berdasarkan gaji	Mohd Helmi Ali Et Al. (2016) Khadijah An-Najibah Azaha Sabri & Sieng, L. W. (2022) Zhang et al. (2020)
b)	Pemilihan kerjaya berdasarkan kebolehlaksanaan	Zakaria, N Et Al. (2020) Jofipasi, R. A. and Purwanta, E. (2019) Hartono, M. E. and Soedarmadji, B. (2018)
c)	Pemilihan kerjaya berdasarkan lokasi kerja	Ratnaningsih, I. Z. and Prasetyo, A. R. (2019) Mohd Helmi Ali Et Al. (2016) Hasan, S. S Et Al. (2010)
d)	Pemilihan kerjaya berdasarkan keseimbangan kerja-hidup	Nurendra, A. M. and Saraswati, M. P. (2017). Afiatin, T Et Al. (2019) Teychenne Et Al. (2019) Li Et Al. (2023) Greenhaus, J. H., & Allen, T. D. (2012)
e)	Pemilihan kerjaya berdasarkan peluang pembangunan profesi	Zakaria, N Et Al. (2020) Desa, H. and Choy, E. A. (2022) Hartono, M. E. and Soedarmadji, B. (2018) Okolie et al. (2020)

Pemilihan kerjaya adalah satu proses yang kompleks dan melibatkan pelbagai faktor yang mempengaruhi keputusan individu dalam memilih laluan kerjaya mereka. Proses ini adalah penting bagi memastikan pelajar memilih pilihan yang betul untuk masa hadapan mereka.

Antara faktor yang sering dipertimbangkan adalah gaji. Faktor ini menjadi pertimbangan utama bagi banyak graduan dalam membuat keputusan kerjaya mereka. Menurut kajian oleh Mohd Helmi Ali et al. (2016) dan Khadijah An-Najibah Azaha Sabri & Sieng (2022), gaji yang ditawarkan oleh sesebuah pekerjaan sering kali menjadi penentu utama kerana ia berkait rapat dengan kestabilan kewangan dan gaya hidup seseorang. Menurut kajian oleh Zhang et al. (2020) menunjukkan bahawa pelajar menganggap gaji sebagai salah satu faktor yang paling penting dalam membentuk niat kerjaya mereka, di mana mereka lebih cenderung untuk memilih sektor yang menawarkan gaji yang lebih tinggi dan peluang kemajuan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa faktor gaji bukan sahaja mempengaruhi keputusan pemilihan kerjaya, tetapi mencerminkan aspirasi pelajar terhadap prospek masa depan mereka dalam bidang yang dipilih.

Selain itu, kebolehlaksanaan juga memainkan peranan penting, di mana Zakaria et al. (2020) menekankan bahawa individu cenderung memilih kerjaya yang realistik dan boleh dicapai berdasarkan kemampuan dan kelayakan mereka. Dalam konteks pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar TVET (Technical and Vocational Education and Training) dipengaruhi oleh faktor minat dan kebolehan individu dalam bidang tertentu. Berbeza dengan pelajar akademik yang sering memilih bidang berdasarkan pencapaian akademik, pelajar TVET khasnya pelajar di Kolej Komuniti lebih cenderung memilih kerjaya berdasarkan kemahiran yang mereka kuasai dan sejauh mana mereka yakin dapat berjaya dalam bidang tersebut. Kajian yang dilakukan oleh Jofipasi dan Purwanta (2019) mendapati bahawa pemahaman mengenai kebolehlaksanaan kerjaya dapat membimbing pelajar dalam membuat pilihan yang lebih tepat berdasarkan keupayaan dan minat mereka. Hal ini selaras dengan teori pemprosesan maklumat

kognitif, di mana pemilihan kerjaya merangkumi pengetahuan tentang diri sendiri serta bidang kerjaya, sekali gus membantu individu membuat keputusan yang lebih tepat (Hartono & Soedarmadji, 2018).

Disamping itu, lokasi kerja turut mempengaruhi pilihan, di mana Ratnaningsih dan Prasetyo (2019) serta Mohd Helmi Ali et al. (2016) menyatakan bahawa kemudahan akses dan kos sara hidup di lokasi tertentu dapat mempengaruhi keputusan individu. Berdasarkan kajian oleh Hasan et al. (2010), sebanyak 78.1% responden menyatakan bahawa lokasi kerja mempengaruhi pilihan kerjaya mereka. Justeru itu, individu sering mempertimbangkan faktor-faktor seperti kos hidup, aksesibiliti, dan peluang pekerjaan di lokasi tertentu sebelum membuat keputusan kerjaya.

Faktor keseimbangan kerja-hidup juga semakin diutamakan, dengan kajian oleh Nurendra dan Saraswati (2017) serta Afiatin et al. (2019) menunjukkan bahawa graduan lebih cenderung untuk memilih kerjaya yang membolehkan mereka mengimbangi tuntutan kerja dan kehidupan peribadi mereka. Selain itu, ketidakpastian mengenai laluan kerjaya boleh menjejaskan perancangan kerjaya dan motivasi individu (Teychenne et al., 2019). Oleh itu, individu yang memilih kerjaya yang menyokong keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi cenderung lebih berpuas hati dengan pilihan kerjaya mereka. Menurut penyelidikan yang dilakukan oleh Li et al. (2023) turut menunjukkan bahawa kebolehan menyesuaikan diri dalam kerjaya mempunyai hubungan yang erat dengan kepuasan dalam pemilihan kerjaya. Kajian menunjukkan bahawa pekerja yang mempunyai keseimbangan kerja-hidup yang baik cenderung lebih produktif, bermotivasi, dan kurang mengalami tekanan kerja (Greenhaus & Allen, 2012). Dalam kalangan pelajar dan graduan TVET, pemilihan kerjaya bukan hanya berdasarkan ganjaran kewangan dan kestabilan pekerjaan, tetapi juga fleksibiliti waktu kerja, keupayaan mengurus kehidupan peribadi, serta ruang untuk pembangunan diri dan keluarga.

Peluang pembangunan profesional juga menjadi satu lagi pertimbangan, di mana Zakaria et al. (2020) dan Desa serta Choy (2022) mendapati bahawa individu lebih suka memilih kerjaya yang menawarkan peluang untuk perkembangan dan peningkatan kemahiran dalam jangka panjang. Menurut Hartono dan Soedarmadji (2018), pendekatan yang tepat dalam bimbingan kerjaya dapat membantu individu mengenal pasti peluang pembangunan berdasarkan minat serta kebolehan mereka. Ini membuktikan bahawa pemilihan kerjaya bukan sekadar keputusan jangka pendek, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan perkembangan masa depan seseorang. Perkembangan kerjaya berkait rapat dengan peluang pendidikan dan latihan lanjutan yang membolehkan seseorang individu itu berpeluang untuk meningkatkan kemahiran mereka. Dalam konteks TVET, institusi Pendidikan perlu memainkan peranan penting dengan menyediakan latihan kemahiran berasaskan industri, program sijil lanjutan, dan laluan akademik ke peringkat lebih tinggi. Okolie et al. (2020) mencadangkan bahawa nasihat dan panduan kerjaya yang berkesan dapat membantu graduan TVET memahami laluan kerjaya mereka dan membangunkan kemahiran yang diperlukan untuk bersaing di pasaran kerja dalam usaha pembangunan profesi.

Kesemua faktor ini menunjukkan bahawa pemilihan kerjaya adalah satu keputusan yang memerlukan pertimbangan teliti dan analisis terhadap pelbagai aspek yang berkaitan dengan kehidupan dan masa depan individu.

Metodologi

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina sendiri sebagai instrumen utama untuk mengumpul data daripada 25 orang pelajar Kolej Komuniti Tambunan, yang telah dipilih secara rawak. Pemilihan sampel ini bergantung kepada beberapa factor. Ini termasuklah jumlah keseluruhan pelajar, sumber dan masa yang terhad, serta keperluan untuk mendapatkan data yang mencukupi bagi analisis deskriptif. Walaupun jumlah 25 responden mungkin kelihatan kecil, ia memberikan gambaran awal mengenai trend dan persepsi pelajar terhadap pemilihan kerjaya.

Soal selidik ini merangkumi soalan berstruktur yang relevan dengan objektif kajian dan latar belakang responden. Soal selidik dalam kajian ini dibina berdasarkan kajian literatur dan rujukan kepada instrumen yang digunakan dalam kajian-kajian terdahulu berkaitan pemilihan kerjaya. Proses pembinaan soal selidik melibatkan beberapa langkah penting, termasuk mengenal pasti dimensi utama yang ingin dikaji, membangunkan soalan berstruktur yang berkaitan dengan objektif kajian, serta menyusun soalan dalam format yang mudah difahami oleh responden. Soal selidik ini terdiri daripada beberapa bahagian, antaranya latar belakang responden, faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya, dan strategi yang dianggap berkesan dalam menyelesaikan masalah pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar di Kolej Komuniti Tambunan.

Bagi memastikan kebolehpercayaan (reliability) dan kesahihan (validity) boring soal selidik ini, ujian rintis telah dijalankan ke atas sekumpulan kecil pelajar sebelum kajian sebenar dilaksanakan. Ujian kebolehpercayaan menggunakan pekali Cronbach's Alpha dilakukan bagi menilai konsistensi dalaman item dalam soal selidik, manakala kesahihan kandungan (content validity) disemak oleh pakar dalam bidang pelancongan dan bimbingan kerjaya untuk memastikan setiap soalan benar-benar mengukur konsep yang ingin dikaji.


Teknik pengumpulan data menggunakan pensampelan rawak bagi memastikan setiap pelajar mempunyai peluang yang sama untuk terlibat dalam kajian ini. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan analisis deskriptif, di mana ciri-ciri utama data diperincikan melalui pengiraan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai dapatan kajian.

Hasil Kajian

Analisis latar belakang responden

Responden kajian ini adalah pelajar KKTBS. Responden terdiri daripada pelajar lelaki 52 peratus dan perempuan 48 peratus. Majoriti responden adalah daripada Program Sijil Teknologi Penyelenggaraan Kenderaan Pacuan Empat Roda Semester 3. Dari segi HPNM, majoriti pelajar mendapat 3.68 - 4.00. Dari segi pendapatan ibu bapa pelajar, majoriti adalah kategori B40.

Analisis Cadangan Penyelesaian Masalah Pemilihan Kerjaya Dalam Kalangan Pelajar



Carta 1: Analisis Cadangan Penyelesaian

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti strategi bagi menyelesaikan masalah utama dalam pemilihan kerjaya bagi pelajar di Kolej Komuniti Tambunan. Carta 1 menunjukkan strategi yang dipilih oleh pelajar yang dapat membantu mereka menyelesaikan masalah pemilihan kerjaya. Majoriti pelajar memilih Program bimbingan kerjaya (24%) dan Penglibatan komuniti dan industri (24%) sebagai strategi utama yang perlu dilaksanakan oleh institusi. Diketahui oleh perlunya Pendedahan kepada dunia kerjaya kepada pelajar (20%). Sebaliknya, peranan keluarga memperoleh pilihan paling rendah iaitu 4% sebagai strategi dalam pemilihan kerjaya.

Kesimpulan Dan Perbincangan

Kajian ini dijalankan bagi menunjukkan strategi yang dipilih oleh pelajar yang dapat membantu mereka menyelesaikan masalah pemilihan kerjaya. Dapatan menunjukkan majoriti pelajar memilih Program bimbingan kerjaya (24%) dan Penglibatan komuniti dan industri (24%) sebagai strategi utama yang perlu dilaksanakan oleh institusi. Berdasarkan kepada dapatan analisis kajian ini beberapa langkah dicadangkan kepada institusi untuk dilaksanakan. Kolej Komuniti Tambunan perlu menganjurkan program pendedahan kerjaya yang memperkenalkan pelbagai industri, seperti automotif, pelancongan, dan agroteknologi. Dengan memperincikan potensi kerjaya dalam bidang-bidang ini, seperti mekanik, pemandu bas pelancong, atau pekerja ladang, pelajar dapat membuat pilihan kerjaya yang lebih terarah. Selain itu, sesi bimbingan bersama pensyarah berpengalaman dapat membantu pelajar mengenal pasti minat, bakat, dan kemahiran yang berkaitan dengan kerjaya masa depan. Maklumat terperinci mengenai syarat kelayakan dan skop pekerjaan juga perlu disediakan agar pelajar lebih yakin dalam membuat keputusan.

Untuk memastikan pelajar bersedia menghadapi alam pekerjaan, kolej juga boleh mengadakan program tentang pemilihan kerjaya dan penyediaan dokumen seperti resume. Pelajar akan lebih mudah membuat pilihan kerjaya jika diberikan peluang untuk menghadiri bengkel, seminar, dan sesi penceramah jemputan dari pelbagai industri. Di samping itu, sesi kaunseling berkaitan dengan minat dan kebolehan pelajar perlu diadakan, di mana pelajar boleh mendapatkan panduan yang lebih tepat mengenai kemahiran yang sesuai dengan bidang yang diminati. Program ini juga dapat ditambah dengan aktiviti praktikal yang menghubungkan pelajar dengan industri melalui lawatan atau latihan amali.

Rujukan

- Afiatin, T., Akhtar, H., Reginasari, A., Lutfikasari, E., Penggalih, B. N., Nafiah, N. U., ... & Muslikhah, N. (2019). Physical activity and transformational leadership as predictors of the psychological well-being of working mothers [aktivitas fisik dan kepemimpinan transformasional sebagai prediktor kesejahteraan psikologis ibu bekerja]. *ANIMA Indonesian Psychological Journal*, 35(1). <https://doi.org/10.24123/aipj.v35i1.2583>
- Ali, M. H., Ismail, A., Suleiman, N., & Tajuddin, M. A. (2016). Faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia: Satu panduan untuk industri. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2). <https://doi.org/10.17576/personalia.1902.2016.02>
- Desa, H. and Choy, E. A. (2022). Faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan belia di sektor perladangan kelapa sawit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(6), e001576. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i6.1576>
- Greenhaus, J. H., & Allen, T. D. (2012). Work–family balance: A review and extension of the literature. *Journal of Vocational Behavior*, 80(2), 175-186. <https://doi.org/10.1016/j.jvb.2011.09.005>
- Hartono, M. E. and Soedarmadji, B. (2018). The development of computer-based career guidance application program for senior high school students. *Proceedings of the 1st International Conference on Education Innovation (ICEI 2017)*. <https://doi.org/10.2991/icei-17.2018.36>
- Hasan, S. S., Chong, D. W. K., Ahmadi, K., Wong, P. S., Hassali, M. A., Hata, E. M., ... & Efendie, B. (2010). Influences on malaysian pharmacy students' career preferences. *American Journal of Pharmaceutical Education*, 74(9), 166. <https://doi.org/10.5688/aj7409166>
- Jofipasi, R. A. and Purwanta, E. (2019). Needs analysis for the development of career choice assessment instruments for intellectual disability students in extraordinary high schools. *Proceedings of the International Conference on Special and Inclusive Education (ICSIE 2018)*. <https://doi.org/10.2991/icsie-18.2019.18>
- Khadijah An-Najibah Azaha Sabri & Sieng, L. W. (2022). Faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam kalangan graduan ketika pandemik covid-19. *Personalia*, 25(1). <https://doi.org/10.17576/personalia.2501.2022.06>
- Li, M., Fan, W., & Zhang, L. (2023). Career adaptability and career choice satisfaction: roles of career self-efficacy and socioeconomic status. *The Career Development Quarterly*, 71(4), 300-314. <https://doi.org/10.1002/cdq.12334>
- Nurendra, A. M. and Saraswati, M. P. (2017). Model peranan work life balance, stres kerja dan kepuasan kerja pada karyawan. *Humanitas*, 13(2), 84. <https://doi.org/10.26555/humanitas.v13i2.6063>
- Okolie, U. C., Nwajiuba, C. A., Binuomote, M. O., Osuji, C. U., Onajite, G. O., & Igwe, P. A. (2020). How careers advice and guidance can facilitate career development in technical, vocational education, and training graduates: the case in nigeria. *Australian Journal of Career Development*, 29(2), 97-106. <https://doi.org/10.1177/1038416220916814>
- Ratnaningsih, I. Z. and Prasetyo, A. R. (2019). Peran keseimbangan pekerjaan-keluarga dan kualitas hidup terhadap kebahagiaan kerja pada petugas masyarakatan perempuan. *Jurnal Psikologi*, 18(1), 82. <https://doi.org/10.14710/jp.18.1.82-90>
- Teychenne, M., Parker, K., Teychenne, D., Sahlqvist, S., Macfarlane, S., & Costigan, S. A. (2019). A pre-post evaluation of an online career planning module on university students' career adaptability. *Journal of Teaching and Learning for Graduate Employability*, 10(1), 42-55. <https://doi.org/10.21153/jtlge2019vol10no1art781>
- Zakaria, N., Rubani, S., Ariffin, A., Hamzah, N., & Nordin, N. (2020). Efikasi sendiri, kemahiran employabiliti dan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar kolej vokasional. *Online Journal for Tvet Practitioners*, 5(2). <https://doi.org/10.30880/ojtp.2020.05.02.009>

Zhang, T., Li, L., & Bian, Y. (2020). Final-year pharmacy undergraduate students' career intention and its influencing factors: a questionnaire study in northwest china. BMC Medical Education, 20(1). <https://doi.org/10.1186/s12909-020-02342-8>